# MCMC ambil langkah atasi masalah internet empat kawasan di Sabah

Bernama
Julai 7, 2021 13:53 MYT



*Usaha itu melibatkan kawasan SK Desa Permai, Tongod di Kinabatangan; Pulau Sebatik di Tawau; Kampung Sungoi Darat di Kota Marudu dan Kampung Ulu Entabuan di Tenom. - Gambar hiasan*

**KOTA KINABALU:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil langkah menyelesaikan masalah capaian internet di empat kawasan di Sabah terutama bagi membolehkan pelajar mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian.

Menurut MCMC dalam kenyataan hari ini, empat kawasan itu ialah Sekolah Kebangsaan Desa Permai, Tongod di Kinabatangan;

Berita Berkaitan
Lagi
MALAYSIA
Lebih 240,000 PATI daftar Program Rekalibrasi sejak Disember 2020

Sebagai langkah penyelesaian di Sekolah Kebangsaan Desa Permai, MCMC Sandakan telah mengadakan pertemuan bersama penyedia perkhidmatan dengan melihat sesi PdPR bersama pelajar bagi melihat masalah dihadapi selain menjelaskan perancangan MCMC untuk menyelesaikan masalah itu.

## Anda mungkin berminat pada artikel ini

- MCMC takes steps to resolve internet issues in four Sabah areas (https://english.astroawani.com/malaysia-news/mcmc-takes-steps-resolve-internet-issues-four-sabah-areas-307117)
- Standard mandatori kualiti perkhidmatan baharu berkuat kuasa 1 Ogos - MCMC (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/standard-mandatori-kualiti-perkhidmatan-baharu-berkuat-kuasa-1-ogos-mcmc-306822)
- JENDELA: Tiga menara komunikasi baharu mula operasi di Hulu Terengganu (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jendela-tiga-

"Bagi penyelesaian jangka panjang pula, lokasi di mana sesi pengajaran dan pembelajaran seorang guru dan pelajarnya di Kampung Tulang-Tulang telah dimasukkan di dalam perancangan pelaksanaan Menara komunikasi baharu di bawah Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1.

"Kerja-kerja pembinaan menara baharu akan bermula pada awal 2022 dan dijangka siap pada Disember 2022. Sementara itu, servis menara sedia ada di Kampung Kuamut dalam pelaksanaan naik taraf kepada 4G di bawah pelan JENDELA yang djangka siap pada Disember 2021," kata MCMC.

MALAYSIA
**Tiga warga asing ditahan bantu siasatan video tular gaduh di asrama pekerja**

MALAYSIA
**COVID-19: 463 kes rentas negeri, cetus lima kluster besar di Terengganu**

MALAYSIA 0:59
**AWANI Ringkas: R-Naught pamer aliran menurun | Ku Li sedia jadi PM interim**




Berita Terkini
Lagi

MALAYSIA
**Lebih 240,000 PATI daftar Program Rekalibrasi sejak Disember 2020**

MALAYSIA
**Wanita ditemui rentung dalam kebakaran kereta**

MALAYSIA
**Tiga warga asing ditahan bantu siasatan video tular gaduh di asrama pekerja**

MALAYSIA
**COVID-19: 463 kes rentas negeri, cetus lima kluster besar di Terengganu**

BISNES
**Bursa Malaysia dibuka rendah pada awal dagangan**

**Dapatkan berita terkini melalui emel anda**



penduduk dinasihatkan agar tidak mengubah tetapan 4G pada peranti bagi menikmati kelajuan Internet sedia ada.

"Sebagai penyelesaian jangka panjang, sebuah menara komunikasi telah dibina di Kampung Tamag serta dijangka beroperasi awal bulan ini. Pembinaan menara berkenaan akan memberikan perkhidmatan 4G sekali gus mempertingkatkan capaian Internet di kawasan berkenaan.

"Ini juga akan membolehkan para penduduk di sekitar Kampung Tamang, Sekolah Menengah Kebangsaan Wallace Bay dan penduduk sekitarnya untuk menjalankan aktiviti seharian dengan lancar," kata MCMC.

Mengenai masalah capaian Internet penduduk di Kampung Sungoi Darat, MCMC Sabah bersama penyedia perkhidmatan telah mengadakan pertemuan dengan pengadu dan isu capaian internet yang lemah adalah akibat terhalang dengan bentuk muka bumi telah disiasat oleh MCMC.

"Sebagai usaha bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kampung Sungoi Darat telah disenaraikan untuk disediakan perkhidmatan capaian jalur lebar melalui satelit Very Small ApertureTerminal (VSAT)," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan inisiatif VSAT dijangka dilaksanakan sekitar bulan ini hingga September, manakala bagi penyelesaian jangka panjang kawasan itu dimasukkan dalam pelan JENDELA fasa akan datang.

Penyelesaian masalah internet di Kampung Ulu Entabuan, Tenom pula, kata MCMC, dimulakan dengan pertemuan antara MCMC Keningau dan wakil penyedia perkhidmatan yang akan dijadualkan esok bagi mendapatkan gambaran sebenar masalah yang dihadapi.

"Bagi penyelesaian jangka panjang, kerja-kerja menaik taraf liputan 4G menara komunikasi di Skim Penempatan Getah Lagud Seberang di bawah JENDELA sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada Januari 2022. Usaha ini akan dapat meningkatkan kualiti liputan jalur lebar di Kampung Ulu Entabuan," katanya.

-- BERNAMA

Emel Anda

Hantar

## Cara lain mengikuti berita kami

- *Telegram* (http://bit.ly/37LkRRB)
- *Facebook* (http://bit.ly/37qabYc)
- *Twitter* (https://bit.ly/3k5cLYB)

#MCMC #Capaian internet #Internet #akses internet' #Sabah #Tawau #Tongod #Kota Marudu #Tenom


### Juga Menarik Dari Laman Web



DARI LAMAN WEB

**Malaysia's parliament to reopen July 26 as…**
Nikkei Asia



DARI LAMAN WEB

**The secret that celebrities use for a f…**
MAGIC Pant…



DARI LAMAN WEB

**Former Superyacht of Fugitive Business…**
Mansion Global



DARI LAMAN WEB

**Huawei licenses 4G tech for '30m…**
Nikkei Asia



DARI LAMAN WEB

**Petaling Jaya Residents Are Lovin…**
Stair Lifts | S…

Recommended by




© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.